

**PM umum Sayembara Novel 1Malaysia
Utusan Online
09 Mac, 2012
Oleh HASHNAN ABDULLAH dan NAZMIL NASIRUDDIN**

PUTRAJAYA 8 Mac - Perdana Menteri mengumumkan pertandingan Sayembara Novel 1Malaysia sebagai tanda komitmen kerajaan untuk melihat tersebar luasnya bahasa Melayu di persada dunia.

Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana sayembara yang dikendalikan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) itu terbuka kepada semua penulis dari seluruh pelosok dunia daripada pelbagai lapisan usia dengan syarat hasil karya perlu dihasilkan dalam bahasa Melayu.

"Saya berharap sayembara itu akan menghasilkan lebih banyak karya sastera bermutu dalam bahasa Melayu yang bercitrakan keharmonian kehidupan, pentadbiran ekonomi, sistem pentadbiran dan pendidikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Majlis Malam Kemuncak Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2012 di sini malam ini.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Justeru itu, Najib berkata, beliau menyanjung usaha beberapa pihak yang merencana serta memulakan usaha merencanakan pengantarabangsaan bahasa dan persuratan bahasa Melayu.

Malah beliau menambah, kini subjek pengajian bahasa Melayu sudah diajar dan dikaji di puluhan universiti seluruh pelosok dunia, baik di Eropah, Asia, Afrika, Amerika Selatan, Amerika Syarikat (AS) dan juga Oceania.

"Saya juga menaruh harapan tinggi terhadap potensi besar bahasa Melayu yang diangkat menjadi salah satu sukatan pengajaran kepada penutur asing," katanya.

Meskipun, beliau berkata, pada masa ini bahasa Melayu belum sampai ke tahap bahasa antarabangsa yang tersohor tetapi bahasa itu tetap mempunyai kedudukannya sendiri.

Ini kerana, Najib berkata, dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia, memang ada keperluan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing sekalipun tidak seluas keperluan pengajaran bahasa Inggeris.

"Jelasnya, bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang paling pesat berkembang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0309&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm